

Lanjutan kes saman tokoh MIC Govinda kecewa tidak dilantik sertai kabinet

KUALA LUMPUR, Rabu — Ahli Parlimen Pelabuhan Kelang, Encik V. Govindaraj memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, dia merasa kecewa tidak dipilih menyertai kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana pendapatannya kini terjejas.

Tetapi Encik Govindaraj tidak mengangap keagalannya itu sebagai kekecewaan politik ataupun menjejaskan karier politiknya.

"Ia hanya menjejaskan pendapatan saya," katanya disambut dengan gelak-ketawa orang ramai di mahkamah yang mendengar kes saman ahli Parlimen itu terhadap Presiden MIC, Datuk Samy Vellu dan Pegawai Awam Parti, Encik M. Mahalingam.

Katanya, dia menerima \$3,000 sebagai ahli Parlimen dan \$3,500 lagi sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dia juga menerima berbalag kemudian sewaktu menjadi Setiausaha Parlimen dulu seperti kereta peruma, pinjaman perumahan dan elauan rumah \$1,000.

Encik Govindaraj dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan pada tahun 1980.

Sewaktu menjawab soal-balas dari peguam bagi Datuk Samy Vellu, Encik C. V. Das, di hari kedua kes itu dengar, Encik Govindaraj berkata, dia tidak merasa marah kerana tidak dipilih.

Menurutnya dia tidak tahu sama ada namanya dikemukakan atau tidak kepada Datuk Seri Dr Mahathir oleh Presiden parti itu. Dia juga tidak tahu sama ada Datuk

Seri Dr Mahathir menolak namanya untuk jawatan dalam Kerajaan.

Dia menolak dakwaan Encik Das bahawa Perdana Menteri menolak namanya kerana hasil kerjanya yang lemah.

Kata Encik Govindaraj, dia juga tidak tahu sebab-sebab namanya ditolak.

"Perkara itu terpulanglah kepada Datuk Samy Vellu," katanya.

Menurut Encik Govindaraj yang juga Naib-Presiden MIC dan Pengerusi MIC Negeri Selangor, dia tidak marah terhadap Datuk Samy Vellu.

Katanya, Presiden parti itu pernah memberitahunya bahawa dia tidak akan terpilih dalam susunan baru kabinet Datuk Seri Dr Mahathir kerana mahukan Encik V. Subramaniam dan Datuk K. Pathmanaban menjadi timbalan menteri.

Kelemahan

Sebelum itu, Encik Govindaraj memberitahu, dia berkelulusan setakat tingkatan tiga sahaja dan dipilih menjadi ahli Parlimen. Sebelum itu dia bekerja sebagai Pegawai Luar Sementara Kementerian Pengerangan dengan pendapatan kira-kira \$800.

Setelah 20 tahun bekerja, katanya, dia masih tidak disahkan ke jawatannya itu.

"Kenapa?" tanya Encik Das.

"Saya tak tahu. Mungkin kerana penyetiaan saya dalam politik".

Menurut Encik Govindaraj, Datuk Samy Vellu banyak menolong mengembangkan karier politiknya setelah menjadi Timbalan Presiden parti itu pada tahun 1977. Pada Oktober 1979, Datuk Samy Vellu memegang jawatan Presiden parti kerana kematian Datuk V. Manikavasagam.

Katanya, Datuk Samy Vellu mencadangkan namanya untuk merebut kerusi Parlimen, Pelabuhan Kelang dan dia sedar ada orang yang membangkang pemilihannya itu.

Encik Govindaraj berterima kasih kepada Datuk Samy Vellu kerana pemilihannya itu dan Datuk Samy Vellu sendiri berkempen bagi menjamin kemenangannya.

Dia juga berterima kasih kepada Datuk Samy Vellu kerana mencadangkan namanya bagi merebut jawatan Pengerusi MIC Selangor sehingga dia menang mengalahkan Datuk V. L. Kandam.

"Saya tahu Datuk Samy Vellu berkempen kuat menjamin kemenangan saya," ujarnya lagi.

Menurut Encik Govindaraj, sewaktu bertanding dalam pilihanraya kecil Pelabuhan Kelang, dia ditentang oleh Encik Rameson dari Parti DAP.

Encik Rameson adalah kerani di Pejabat Encik Karpal Singh. Orang ramai di mahkamah ketawa mendengar keterangan itu.

Kata Encik Govindaraj sewaktu menjadi Setiausaha Parlimen dia menghadapi banyak kesulitan dalam menjalankan tugasnya.

"Apa kesulitannya?" tanya Encik Das.

"Ia berhubung dengan kerja-kerja kementerian, sebab saya tidak ada pengalaman dan kesulitan itu ialah menjawab soalan di persidangan Parlimen pada 13 November 1980."

"Kamu tidak boleh jawab soalan?" Sergah Encik Das.

"Saya jawab, tapi tak betul".

Encik Govindaraj mengaku dia disoal bertubi-tubi oleh ahli-ahli Parlimen dan penyokong penyokong Kerajaan. Dia juga mengaku bahawa jawabannya itu telah menunjukkan kelemahannya sehingga terpaksa dibantu oleh Timbalan Menteri Perumahan pada masa itu, Datuk Zakaria Abul Rahman.

Kata Encik Govindaraj dia tidak tahu sama ada MIC dan Kerajaan gembira dengan pendedahan kelemahan yang ditunjukkan di Parlimen itu.

Dia tidak bersetuju dengan Encik Das bahawa dia menerima banyak kritik selepas persidangan Parlimen itu.

Encik Govindaraj mengaku dia tidak datang ke Parlimen di hari keduanya kerana dimasukkan ke hospital.

Sebelum itu, Encik Govindaraj memberitahu mahkamah, dia menerima ancaman melalui satu panggilan telefon awal pagi seawal.